

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas 8866/1 – Persolekan Dan Mendandan Rambut ini mengandungi 5 soalan, di mana calon telah ditetapkan soalnya mengikut angka giliran. Calon perlu menduduki peperiksaan Sidang Merancang terlebih dahulu dan merancang kerja mengikut soalan yang telah ditetapkan mengikut masa Sidang Merancang selama 1 jam 30 minit dan masa Amali selama 3 jam.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada keseluruhannya prestasi calon dalam kertas ini amat cemerlang. Calon juga dapat menguasai dan menunjukkan kemahiran yang betul semasa melakukan amali mengikut soalan. Hanya segelintir sahaja calon berkebolehan sederhana, namun masih dapat menguasai kemahiran asas yang diperlukan

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Kebanyakan perancangan yang dibuat semasa peperiksaan Sidang Merancang adalah menepati dengan kehendak soalan dan dirancang dengan baik. Mempunyai urutan kerja yang sistematik dan pengurusan masa yang sesuai mengikut pengurusan amali. Semasa peperiksaan amali, kebanyakan calon dapat mengendalikan kerja mengikut peraturan pemarkahan yang ditetapkan dengan betul.

Walau bagaimanapun terdapat juga calon dalam kumpulan ini yang cuai dan kurang teliti serta melakukan kesilapan kecil terutama dalam mematuhi masa perancangan, mengemas, dan membersihkan alat dan tempat kerja serta postur yang betul semasa bekerja.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Kebanyakan calon dalam kumpulan ini terutama dalam bahagian pengurusan amali, kurang cermat dan teliti. Hasil kerja terutama dalam menggayakan rambut kurang kemas dan menarik. Kertas perancangan yang dibuat tidak begitu teliti dan bersistematik. Kebanyakan calon mendapat purata markah yang agak baik.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Tidak terdapat calon dalam kumpulan ini. Ini menunjukkan calon dapat memahami kehendak soalan dan dapat menunjukkan kemahiran manipulatif yang tinggi semasa peperiksaan amali ini dijalankan.

PRESTASI TERPERINCI**Soalan 1(a) i**

Calon boleh membuat pembahagian rambut dengan betul dan lurus. Jumlah gulungan dan rod keriting pada bahagian kiri dan kanan adalah sama. Hasil keriting menjadi. Walau

bagaimanapun terdapat juga rambut yang digulung itu longgar dan tidak licin, kerana rambut berkumpul dan terlipat semasa menggulung.

Teknik membubuh losen dan penutral tidak sekata dan rata pada semua rambut. Ini akan menyebabkan hasil ikal yang tidak sekata iaitu ada yang menjadi dan ada yang tidak. Hasil keriting sering terdapat 'mata kail' kerana teknik menggulung rambut yang tidak betul.

Soalan 1(a) ii

Kebanyakan calon tahu memilih alat dan teknik menggayakan rambut yang betul selepas mengeriting rambut. Calon dapat menguasai dan menunjukkan kecekapan dalam penggunaan alatan menggayakan rambut dan sikat yang sesuai.

Terdapat juga calon menggunakan haba panas dalam menggayakan rambut selepas mengeriting adalah tidak begitu tepat kerana ia boleh merosakkan hasil keriting yang baru dibuat.

Soalan 1 (b)

Kebanyakan calon dapat menyolek muka dengan baik dan pemilihan warna yang harmoni dengan pakaian dan tugas soalannya.

Hanya segelintir calon memilih warna yang kurang harmoni dan sapuan yang kurang rata dan kemas.

Soalan 1 (c)

Calon dapat melakukan kerja membersihkan kutikel kuku dan mengurut tangan dengan betul dan sistematik.

Apabila calon mengecat kuku, hasilnya kurang kemas dan tidak begitu licin. Terdapat juga calon mengecat kuku dengan berulang-ulang dan berlapis tanpa menunggu cat kuku pertama itu kering terlebih dahulu.

Soalan 2 (a) i

Calon dapat melakukannya mengikut urutan dan langkah kerja yang betul mengikut peraturan pemarkahan.

Sedikit kelemahan dalam teknik memberus rambut dan manipulasi serta kurang mengikut masa dengan tepat.

Soalan 2 (a) ii

Calon boleh melakukannya dengan betul dan hasil sanggul menjadi. Hiasan yang digunakan pada sanggul juga adalah sesuai.

Teknik melakukan sikat songsang pada sesetengah calon tidak begitu mahir menyebabkan sanggul kurang kemas dan longgar serta tidak begitu licin.

Soalan 2 (b)

Calon boleh melakukan kerja mengikut prosedur yang betul dan dapat memilih bahan pupur biologi yang sesuai mengikut kehendak soalan. Tempoh masa mengurut muka yang tidak tepat dan urutan tidak berterusan serta tekanan dalam urutan yang kurang memuaskan.

Soalan 2 (c)

Kekuatan dan kelemahan calon yang dikesan adalah sama seperti soalan 1.

Soalan 3 (a) i

Calon dapat memahami kehendak soalan dan boleh melakukan guntingan berlapis. Kemahiran calon dalam penggunaan gunting dan sikat adalah sederhana. Arah tarikan dan ketegangan rambut tidak begitu tepat menyebabkan hasil guntingan yang kurang seimbang.

Soalan 3 (a) ii

Calon dapat menguasai teknik menggunakan pengikal elektrik dan tahu menggunakannya. Hanya segelintir calon tidak memanaskan pengikal elektrik terlebih dahulu menyebabkan hasilnya kurang kemas dan longgar. Rambut tidak disebarkan dengan betul pada rod penggulung.

Soalan 3 (b)

Calon dapat memahami kehendak soalan dan dapat melakukannya dengan baik. Semasa meletakkan pupur, pola menyapu pupur tidak kemas dan rata. Sama seperti soalan 2 (b) tempoh masa mengurut muka yang tidak tepat dan urutan tidak berterusan serta tekanan dalam urutan yang kurang memuaskan.

Soalan 3 (c)

Calon dapat melakukan langkah kerja dengan betul. Gerakan mengurut kaki agak cepat berbanding masa yang ditetapkan. Hasil mengecat kuku juga kurang licin dan kemas.

Soalan 4 (a) i

Calon cemerlang dalam mensyampu rambut. Semasa mengeset rambut calon boleh melakukannya dengan baik iaitu semasa membuat pembahagian rambut, rambut tepat dibahagi mengikut saiz rod yang digunakan dan membuat pembahagian asas mengeset. Bilangan rod yang digunakan seimbang kiri dan kanan dan rambut dikeringkan dengan sempurna. Gulungan rambut yang dibuat pada rod agak kurang kemas dan longgar menyebabkan rod tidak 'on-base'.

Soalan 4 (a) ii

Calon dapat menggayakan rambut dengan stail yang cantik dan menarik, serta dapat mengenakan hiasan rambut yang bersesuaian mengikut stail yang digayakan. Tidak terdapat kelemahan atau kesilapan yang ketara ditemui. Ini menunjukkan calon memahami kehendak soalan dan dapat melakukan dengan baik.

Soalan 4 (b)

Calon faham kehendak soalan dan tahu membuat urutan muka menggunakan mesin sedut vakum. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang teragak-agak dalam melakukan amali disebabkan kurang menghafal arah pola sedut vakum dan sentiasa berpandukan kertas perancangan.

Kekuatan arus yang digunakan tidak diuji dengan betul dan bersesuaian dengan pelanggan. Calon kurang pasti arah pola sedut vakum yang betul.

Soalan 4 (c)

Calon faham dengan tugas yang perlu dilakukan. Teknik mengecat kuku yang agak lemah dimana kualiti dan rupa yang tidak begitu licin dan kemas.

Soalan 5 (a) i

Kebanyakan calon cemerlang dalam mensyampu rambut. Menggunting rambut tidak ditetapkan jenis guntingannya, dan hanya perlu mengikut stail yang sesuai. Kebanyakan calon memilih guntingan lurus yang agak mudah dan senang disesuaikan mengikut stail. Lebih kurang sama seperti soalan 3(a)i, kemahiran calon dalam penggunaan gunting dan sikat adalah sederhana. Arah tarikan dan ketegangan rambut tidak begitu tepat menyebabkan hasil guntingan yang kurang seimbang.

Soalan 5 (a)ii

Calon tahu memilih alat yang betul mengikut kehendak soalan. Calon dapat menggayakan rambut dengan menarik. Konsep 'kering sendiri' mengelirukan calon kerana calon menggunakan pengering rambut bersuhu panas.

Soalan 5 (b)

Calon dapat memahami langkah dan kaedah menyolek muka. Calon dapat menyolek muka dengan baik dan pemilihan warna adalah harmoni serta menarik. Sebilangan kecil calon melakukan sapuan mekap pada pipi (pemerah pipi) secara tidak rata dan kurang cermat.

Soalan 5 (c)

Calon dapat melakukan kerja mengikut prosedur kerja yang betul. Langkah dan gerakan mengurut kaki dibuat dengan tergesa-gesa. Hasil mengecat kuku kurang kemas dan licin.

SARANAN KEPADA CALON

1. Menyediakan kertas perancangan dengan urutan kerja yang sistematik, kemas dan bersih serta masa yang sesuai mengikut agihan masa yang betul dalam sesuatu kerja. Faham kehendak soalan dan tugas yang perlu dilakukan.
2. Memahami langkah kerja yang betul dalam setiap kerja amali.
3. Mengawal masa amali yang diperuntukkan dan bekerja mengikut masa.
4. Patuh kepada rangka kerja.

5. Membuat latih tubi dan latihan berterusan dalam mengurut muka, mengurut kulit kepala, mengurut tangan dan mengurut kaki mengikut masa yang betul.
6. Pembasuhan (sanitasi alat) – selepas penggunaannya perlu dibasuh dengan segera untuk mengelakkan calon terlupa.
7. Memilih pelanggan yang sesuai dengan kehendak soalan masing-masing.
8. Mengamalkan postur yang betul semasa bekerja sepanjang masa amali.

SARANAN KEPADA GURU

1. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) tekankan pemahaman konsep tentang teknik yang betul dalam melakukan amali Persolekan dan Mendandan Rambut.
2. Tekankan kepada kemahiran manipulatif calon dalam pengendalian alatan dengan masa yang betul.
3. Mengingatkan calon betapa pentingnya mengamalkan langkah keselamatan semasa amali terutama dalam penggunaan alatan elektrik .
4. Memastikan calon supaya mengutamakan keselesaan pelanggan semasa menjalankan tugas.
5. Sentiasa memantau dan terus membetulkan kesilapan yang dilakukan calon semasa P&P agar calon sentiasa mempraktikkan teknik yang betul.
6. Menekankan pentingnya menjaga kebersihan tempat kerja dan menggunakan spatula semasa mengeluarkan bahan daripada bekas, bukannya jari.
7. Tahap kemahiran dan kecekapan calon perlu dipertingkatkan dengan memperbanyakkan latihan amali terutama dalam mengecat kuku tangan dan kuku kaki, mengurut muka, mengurut kulit kepala, mengurut tangan dan mengurut kaki.
8. Banyakkan latihan atau ujian amali mengikut format peperiksaan SPM yang sebenar dengan langkah pengurusan yang betul dan teratur.